

A photograph showing the silhouettes of a man and a woman embracing on a beach. The background is a bright, hazy sunset or sunrise over the ocean, with the sun low on the horizon. The couple is in the foreground, their forms dark against the lighter background. The woman is on the left, and the man is on the right, with his arms around her.

WARGA muda perlu dididik agar tidak terjerumus dengan seks bebas sehingga membawa kepada penyakit jangkitan bawaan seks (STI).

- Gambar hiasan

Forum jangkitan bawaan seks

DUREX Malaysia, jenama bawah Reckitt Benckiser, buat pertama kalinya telah menjadi hos Forum Belia #SomebodyLikeMe Choose2Protect, tentang jangkitan bawaan seksual (STI) di Universiti Malaya, baru-baru ini.

Acara ini telah diterajui oleh para penyokong penting dalam bidang ini termasuk Dr. Kamaliah Mohd. Noh, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Dr. Mary Huang, Profesor Madya di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia.

Bermula pada tahun 2013, Forum Belia #SomebodyLikeMe Choose2Protect yang pertama kali dianjurkan pada tahun ini merupakan sebuah inisiatif oleh belia untuk belia yang diadakan sempena Bulan Kesedaran STI yang disambut pada bulan April, setiap tahun.

Acara ini telah dihadiri oleh para peserta yang terdiri daripada pendidik rakan sebaya dan para pelajar universiti yang akan menyampaikan pengetahuan yang bernilai kepada rakan sebaya mereka semasa sesi mendekati diri.

Bercakap semasa majlis pembukaan, Karin Chan, Pengurus Pemasaran Durex Malaysia & Singapura berkata, forum ini merupakan sebahagian daripada komitmen Durex untuk meningkatkan pemahaman tentang STI yang telah berubah menjadi satu isu global.

Katanya, menurut tinjauan Face of Global Sex 2012 yang dilaksanakan oleh Durex, dianggarkan hampir 21 peratus daripada warga Malaysia dijangkiti STI sepanjang kehidupan mereka.

"Dalam usaha kami untuk mengurangkan bilangan jangkitan, kami menyedari bahawa pendidikan rakan sebaya adalah platform yang berkesan untuk mendidik generasi muda tentang topik ini.

"Oleh itu, melalui forum ini, kami bekerjasama dengan pendidik rakan sebaya serta badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk berkongsi dan membincangkan strategi yang boleh membantu mengurangkan jangkitan STI, terutamanya dalam kalangan orang muda di negara ini," katanya.

Dr. Kamaliah pula telah menyampaikan maklumat kepada para hadirin latar belakang tentang STI di Malaysia dan menjelaskan jenis-jenis jangkitan yang biasa dihadapi oleh orang-orang muda di negara ini.

Beliau turut menekankan tentang tanggungjawab dan strategi yang diperlukan bagi menghentikan sebaran jangkitan ini.

Seterusnya, Dr. Huang, pakar terkemuka Malaysia dalam kesihatan reproduktif seksual, menjelaskan pertalian antara kesihatan seksual dan reproduktif dan STI serta HIV dan AIDS.

Beliau turut menyeru keperluan untuk melaksanakan pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif untuk generasi hari ini.